

Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM

SYED NAJMUDDIN SYED HASSAN
AB. HALIM TAMURI
ISAHAK OTHAMAN
MOHD. SABRI MAMAT

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penilaian pelajar terhadap kepemimpinan guru Pendidikan Islam MRSM. Tumpuan kajian adalah untuk melihat tahap kepemimpinan guru pendidikan Islam daripada aspek (i) imej dan integriti, (ii) pengajaran dan pembelajaran, (iii) kepemimpinan keagamaan dan (iv) interaksi dengan pelajar. Kajian ini berbentuk kajian tinjauan yang melibatkan 1011 orang pelajar dalam kalangan pelajar MRSM. Sebanyak 10 buah MRSM telah dipilih secara rawak dalam kajian ini. Instrumen kajian dibina sendiri oleh penyelidik untuk menilai empat aspek utama kepimpinan. Kebolehpercayaan instrumen ini adalah tinggi kerana telah diuji melalui kajian rintis terhadap 91 orang responden dan beberapa kali melalui proses pemurnian. Nilai kebolehpercayaan keseluruhan item ialah 0.9191 (kajian rintis) dan 0.9579 (kajian sebenar). Data dianalisis menggunakan SPSS versi 11.5 (Statistical Package for Social Science) dan dilaporkan dalam bentuk statistik deskriptif berbentuk kekerapan, peratusan dan min sahaja. Hasil utama kajian ini mendapati bahawa tahap kepemimpinan guru Pendidikan Islam MRSM adalah pada tahap yang tinggi berdasarkan penilaian pelajar. Min bagi setiap konstruk yang diperoleh adalah (i) imej dan integriti 4.3068 (tinggi), (ii) pengajaran dan pembelajaran 4.0573 (tinggi), (iii) kepemimpinan keagamaan 4.0775 (tinggi) dan (iv) interaksi dengan pelajar 4.2537 (tinggi). Skor yang tinggi bagi keempat-empat aspek kepimpinan menggambarkan personaliti guru-guru Pendidikan Islam MRSM sangat mantap dan dipandang tinggi oleh pelajar. Beberapa aspek tertentu yang diteliti masih perlu diberi perhatian dan boleh ditingkatkan.

Kata Kunci: Professionalisme, Pendidikan Islam, MRSM

ABSTRACT

The purpose of this survey study was to identify students' perceptions on Islamic Education teachers of MRSM. This study focus on four types of leadership qualities among Islamic Education teachers, namely, 'image and integrity', 'teaching and learning', 'spiritual leadership' and interactions with students'. A total of 1011 MRSM students from 10 MRSM schools throughout Malaysia were selected randomly as the sample of this study. The instrument used in this study was formulated by the researcher. The instrument has a high reliability and has been tested extensively. The data was analysed using descriptive statistics and are presented in frequency, mean and percentage. The results show that the MRSM Islamic Education teachers' possess high leadership level as regarded by their students. This indicate that MRSM Islamic Education teachers are highly regarded by their students. Nevertheless, there are certain aspects need to be improved and be taken into considerations.

Key Word: professionalism, Islamic Education, MRSM

PENDAHULUAN

Dalam era globalisasi, dunia kerjaya semakin kompetitif bukan sekadar untuk mencukupkan keperluan hidup. Kerjaya sebagai guru memerlukan komitmen yang tinggi lebih-lebih lagi sebagai guru Pendidikan Islam di MRSM. Matlamat MARA untuk menjadikan MRSM sebagai institusi pendidikan bertaraf dunia yang menawarkan pendidikan seimbang dari sudut akademik dan akhlak untuk melahirkan generasi muslim yang kukuh iman, mempunyai akhlak mulia dan memiliki budaya kerja yang hebat tidak akan tercapai sekiranya tiada komitmen yang tinggi daripada warga guru terutamanya guru Pendidikan Islam itu sendiri.

Cabaran utama wawasan 2020 untuk mencapai matlamat negara maju dengan model acuan sendiri iaitu pembangunan fizikal tanpa mengenyepikan aspek nilai-nilai budaya dan akhlak yang mulia. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) juga dengan jelas menekankan aspek keseimbangan antara intelek, rohani, emosi dan jasmani. Prinsip Islam Hadhari yang dilancarkan pada tahun 2004 juga menekankan aspek modal insan yang menjadi teras utamanya. Rancangan Malaysia Ke-9 juga menekankan aspek pembangunan modal insan. Sehubungan dengan itu, dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang dirangka oleh Kementerian Pelajaran Malaysia juga menjadikan pembangunan modal insan sebagai teras utama untuk dijayakan. Selaras dengan itu, MARA melalui Bahagian Pendidikan Latihan Menengah (BPLM) juga telah mewujudkan blueprint visi dan misi serta tatacara pendidikan kepada semua MRSM. Kesemua dasar yang diperkenalkan ini menjadikan aspek pembangunan modal insan sebagai tujuan utama dalam melahirkan teknokrat, usahawan, saintis dan tokoh dalam pelbagai bidang. Untuk memastikan tujuan ini dapat direalisasikan, perlu dilaksanakan di peringkat instusi pendidikan dari sekolah rendah sehinggalah ke peringkat tinggi. Sehubungan dengan itu, guru Pendidikan Islam berperanan sebagai pencetus, pengupaya dan pengembang kepada aspek pembangunan kemahiran keinsanan (soft skills) seperti keutuhan kerohanian, ketekalan afektif dan tingkah laku yang mantap dan secara tidak langsung, peranan guru Pendidikan Islam sangat relevan untuk memainkan peranan utamanya di MRSM.

Bahagian Pendidikan dan Latihan (Menengah) MARA (BPLM) menghasratkan beberapa tanggungjawab yang perlu ditunaikan oleh guru Pendidikan Islam. Antara tanggungjawab yang dihasratkan tersebut adalah:

1. Guru Pendidikan Islam berperanan merancang aktiviti-aktiviti program penghayatan Islam di MRSM.
2. Guru Pendidikan Islam memantau pelaksanaan program penghayatan Islam dalam dua sudut:
 - (a) memantau setiap program amal Islami sepanjang persekolahan pelajar di MRSM.
 - (b) memantau pembentukan dan perkembangan sahsiah pelajar.
3. Guru Pendidikan Islam menjadi penggerak utama pengisian aktiviti kerohanian pelajar di luar waktu persekolahan seperti tazkirah, taalim, solat berjemaah dan lain-lain.
4. Guru Pendidikan Islam menjadi role model dalam pelaksanaan program penghayatan Islam seperti menjadi imam solat berjemaah dan program penghayatan yang lain seperti Ihya' Ramadan.
5. Guru Pendidikan Islam menjadi teladan dan ikutan kepada warga kerja lain di MRSM dalam aspek etika kerja, motivasi dan esprit de corp.

LATAR BELAKANG MASALAH

Matlamat utama sistem pendidikan Islam ialah untuk memberikan kemahiran, pengetahuan dan membangunkan insan yang bertakwa kepada Allah SWT. Untuk merealisasikan matlamat tersebut ia perlu kepada modal insan yang bergelar guru atau pendidik. Tugas mengajar dan mendidik merupakan tugas yang amat penting dan mulia kerana ia merupakan kesinambungan tugas Nabi Muhammad SAW. Dalam konteks sistem pendidikan MARA, BPLM telah menggariskan Falsafah Pendidikan MRSM sebagai berikut:

Berdasarkan kepada FPN, kami percaya pendidikan adalah suatu usaha yang berterusan, dinamik dan saintifik untuk mempertingkatkan kualiti kepada diri sendiri, masyarakat, negara dan Tuhan. Kami juga yakin bahawa maktab yang berkualiti dan cemerlang sentiasa peka dan komited kepada usaha-usaha meningkatkan kualiti, produktiviti, kecemerlangan, penyuburan dan pengembangan potensi, kepemimpinan dan kreativiti. Sesungguhnya setiap pelajar itu unik, istimewa dan berpotensi tinggi untuk terus maju dalam mencipta kecemerlangan.

Walaupun sistem pendidikan MRSM telah berjalan sejak tahun 1972 dengan pembukaan MRSM Seremban, namun kajian empirikal tentang sejauh mana sistem yang digunakan itu berkesan dan mencapai matlamat yang diharapkan (Subri, 1997). Sekiranya kajian-kajian berbentuk empirikal tidak dilaksanakan untuk melihat punca dan data sebenar masalah yang berlaku dalam sistem pendidikan MRSM, maka akan menjejaskan usaha melahirkan modal insan yang cemerlang sebagaimana yang dihasratkan oleh YAB Perdana Menteri.

Terdapat juga laporan daripada stakeholder tentang perkara-perkara salah laku seperti pengabaian tugas, kurang komitmen kerja, kurang dedikasi, kurang kemampuan dari segi kepemimpinan keagamaan dalam kalangan guru Pendidikan Islam di institusi-institusi pendidikan MARA. Walaupun kes-kes yang dinyatakan merupakan kes-kes terpencil, namun tidak boleh dipandang remeh kerana implikasinya menjejaskan nama baik profesion keguruan pendidikan Islam khususnya dan MARA secara umumnya. Bradshaw (2001) menyatakan, "Teachers transform lives and the ripple effect goes on for years". Sehubungan dengan itu, guru adalah role model utama pelajar di sekolah yang berperanan membentuk keperibadian dan jati diri pelajar. Sekiranya, guru ini tidak menunjukkan contoh yang baik, maka hasrat FPN, PIPP dan Falsafah Pendidikan MRSM tidak akan tercapai. Oleh yang demikian, generasi yang dibentuk ini akan melahirkan generasi baru yang pincang. Putaran ganas (vicious cycle) akibat role model yang salah akan berterusan hingga ke beberapa generasi (Syed Najmuddin, 2005).

Antara isu-isu lain yang sering mendapat perhatian stakeholder ialah persoalan kecemerlangan akademik dalam peperiksaan peringkat kebangsaan (PMR dan SPM). Pengkaji cukup yakin aspek kecemerlangan akademik sangat berkait rapat dengan pengajaran dan pembelajaran guru. Sehubungan dengan itu, guru Pendidikan Islam berperanan dalam menonjolkan imej dan integriti yang utuh, memimpin majlis keagamaan dan juga berinteraksi dengan pelajar dalam rangka membentuk modal insan yang cemerlang. Persoalannya, apakah pengajaran dan pembelajaran guru memberi kesan menyeluruh dalam pendidikan akhlak di sekolah (Ab. Halim dan Khadijah, 2003). Selain itu, adakah keperibadian guru Pendidikan Islam terpancar dalam setiap tindak tanduk mereka hingga dapat menjadi teladan kepada warga MRSM terutamanya anak didik mereka.

MATLAMAT KAJIAN

Tujuan am kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap keprihatinan guru Pendidikan Islam MRSM dalam dan di luar bilik darjah berdasarkan persepsi pelajar. Matlamat kajian secara khusus adalah sebagaimana berikut:

1. Untuk mengenal pasti tahap imej dan integriti guru Pendidikan Islam MRSM.
2. Untuk mengenal pasti tahap kecekapan pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam MRSM.
3. Untuk mengenal pasti tahap kepemimpinan keagamaan guru Pendidikan Islam dalam program MRSM.
4. Untuk mengenal pasti tahap kesediaan berinteraksi dengan pelajar dalam kalangan guru Pendidikan Islam MRSM.


PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah tahap imej dan integriti guru Pendidikan Islam MRSM berdasarkan persepsi pelajar?
2. Apakah tahap kecekapan guru Pendidikan Islam MRSM dari segi pengajaran dan pembelajaran berdasarkan persepsi pelajar?
3. Apakah tahap kepemimpinan keagamaan berdasarkan persepsi pelajar?
4. Apakah tahap kesediaan berinteraksi dengan pelajar berdasarkan persepsi pelajar?

KEPENTINGAN KAJIAN

Hasil kajian yang diperoleh diharapkan dapat memberi sumbangan, rujukan dan panduan kepada warga MARA khususnya guru-guru dan pensyarah Pendidikan Islam di institusi-institusi pendidikan MARA dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai murabbi, muallim mudarris, muaddib dan murshid (Ab. Halim et al., 2006). Seorang guru yang berjiwa murabbi, muallim, mudarris, muaddib dan murshid akan sentiasa menghubungkan pendidikan sebagai suatu taklif atau amanah yang tinggi. Tugas guru bukan sahaja mengajar atau mendidik, malah ingin melihat anak didiknya memiliki kecemerlangan ilmu dan peribadi. Ini supaya apabila mereka berperanan di tengah-tengah gelanggang, kesan perubahan tidak bercanggah dengan fitrah kehidupan. (Sidek Baba, 2005). Berdasarkan kerangka konsep 5 mim yang digariskan oleh Ab. Halim et al. (2006), 5 mim yang dimaksudkan adalah merujuk kepada peranan guru Pendidikan Islam sebagaimana yang dikehendaki oleh agama. Lima peranan tersebut ditunjukkan dalam Rajah 1.

1. Muddaris adalah konsep yang diasaskan kepada guru cemerlang yang berkesan. Umumnya, ia dinilai daripada lima aspek utama, iaitu ciri-ciri peribadi yang dimiliki, kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan, kejayaan mewujudkan iklim dan personaliti bilik darjah yang baik, mempunyai kepakaran serta mempunyai kecekapan dan kemampuan membuat keputusan profesional.
2. Muaddib merujuk kepada peranan guru di dalam bilik darjah untuk mengasuh, mendidik, membentuk, membimbing, menanam, menyuci, menitis dan menyuburkan akhlak mulia, disiplin, tingkah laku, sahsiah dan seluruh adab sopan dalam pembinaan dan pembangunan diri para pelajar. Proses ta'dib ini bersumberkan wahyu Allah SWT. Manakala nilai ta'dib yang cuba diterapkan dalam diri para pelajar adalah bersifat mutlak, muktamad, kekal abadi dan suci, serta diasaskan kepada keimanan yang kukuh kepada Allah SWT.



Rajah 1: Lima Prinsip Guru Pendidikan Islam

3. Murabbi pula merujuk kepada peranan guru di dalam bilik darjah untuk menjaga, membesarkan, mencurahkan kasih sayang, mendidik, mengajar, menyubur dan memelihara fitrah para pelajar serta memupuk bakat dan kebolehan yang wujud dalam diri mereka secara beransur-ansur agar dapat berkembang dengan baik selaras dengan kematangan yang dilalui oleh para pelajar tersebut. Guru berperanan merealisasikan pembentukan dan pembangunan para pelajar dari pelbagai aspek (iaitu rohani, jasmani, intelek, emosi dan sosial) agar dapat melahirkan insan soleh yang berakhlak mulia menurut kaca mata Islam.
4. Mursyid merujuk kepada aspek kepimpinan guru dalam bilik darjah untuk menjaga, menasihati, mengarah, membimbing dan memberi petunjuk kepada para pelajar ke arah pembentukan dan pembangunan diri sebagai insan soleh. Konsep irsyad dalam kajian ini lebih memfokuskan konsep kepemimpinan Rasulullah SAW dalam proses mendidik dan membimbing para sahabat.
5. Mu`allim merujuk kepada peranan guru dalam bilik darjah untuk memberitahu, mengajar, memindah dan menyampaikan pelbagai jenis maklumat, disiplin dan ilmu pengetahuan kepada para pelajar sama ada melalui latihan, arahan atau sebarang bentuk pengajaran yang dirancang. Proses ta'lim merangkumi juga adab berilmu yang akan mencorak dan mewarnai pembentukan dan pembangunan diri para pelajar sebagai insan soleh.

Kewibawaan pendidik Muslim sangat penting dalam usaha melaksanakan tugas mendidik dan memimpin pelajar secara lebih berkesan. Keunggulan dan keluhuran peribadi Rasulullah s.a.w. jika dapat diterapkan dalam setiap diri pendidik akan dapat menjadi role model kepada para pelajar. Terdapat sekurang-kurangnya lima domain yang menjadi ciri guru Pendidikan Islam iaitu: mudarris, muaddib, murabbi, mursyid dan mu'allim yang dikenali sebagai 5 mim (Ab. Halim et al., 2006).

Kajian ini diharap dapat memberi maklumat kepada warga guru Pendidikan Islam MRSM tentang kepentingan personaliti guru dalam pembentukan peribadi pelajar.

Personaliti guru memberi impak yang besar kepada pembentukan diri pelajar (Bradshaw, 2001). Kajian ini dapat membantu pihak pengurusan BPLM dalam merangka strategi, program kursus-kursus atau garis panduan dalam pengambilan guru-guru baru subjek Pendidikan Islam di MRSM. BPLM juga dapat melaksana kursus dalaman (in-house) dalam menyuntik semangat kepada guru-guru Pendidikan Islam agar visi, misi dan komitmen yang sedia ada terus dibaiki dan dimantapkan. Kajian ini bermanfaat kepada pihak pengurusan MRSM terutamanya tentang tahap keprihatinan guru-guru pendidikan Islam seperti tahap kepemimpinan, kepakaran dalam pengajaran dan pembelajaran, integriti dan interaksi dengan pelajar.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk kajian tinjauan. Kajian ini menggunakan satu set soal selidik, yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat daripada pelajar-pelajar MRSM se-Malaysia berhubung persepsi mereka terhadap keprihatinan guru pendidikan Islam di MRSM.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik yang dibina sendiri oleh pengkaji yang dinamakan sebagai Inventori Profesionalisme Pendidik MARA (IPPMa). Inventori ini mengandungi 61 item yang terdiri daripada empat bahagian, iaitu Bahagian A (Imej dan Integriti) terdiri daripada 15 item, Bahagian B (P&P) terdiri daripada 15 item, Bahagian C (Kepemimpinan Agama) terdiri daripada 14 item dan Bahagian D (Interaksi dengan Pelajar) terdiri daripada 17 item. IPPMa ini menggunakan skala Likert 5-mata. IPPMa telah disemak oleh pakar dari Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia untuk menentukan kesahan instrumen yang telah dibina.

Populasi dan Persampelan

Populasi pelajar MRSM pada 2007 adalah seramai 24,415 orang (lelaki - 10,717 dan perempuan - 13,698). Sampel kajian telah dipilih seramai 1,011 orang yang dipilih secara rawak daripada 10 buah MRSM terpilih. Mereka terdiri daripada pelajar tingkatan 1 hingga 5 MRSM-MRSM yang dipilih adalah secara rawak daripada 38 buah MRSM.

Kajian Rintis

Kajian rintis telah dilakukan terhadap 91 orang pelajar di MRSM Muar. Tujuan kajian rintis ini diadakan untuk menguji kebolehpercayaan item-item IPPMa. Nilai kebolehpercayaan keseluruhan item IPPMa adalah pada nilai Cronbach alpha 0.9191. Nilai kebolehpercayaan Cronbach alpha bagi Bahagian A adalah 0.8555, Bahagian B adalah 0.8138, Bahagian C adalah 0.8238 dan Bahagian D adalah 0.8668.

Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen

Data yang dikumpul daripada 1,011 sampel telah diproses kali kedua untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan IPPMa terkini. Nilai kebolehpercayaan Cronbach alpha keseluruhan item IPPMa telah meningkat kepada 0.9579. Begitu juga dengan Bahagian A (0.9301), Bahagian B (0.8187) dan Bahagian C (0.8543). Cronbach alpha Bahagian

D pula merosot sedikit iaitu 0.8648. Sebagai kesimpulan, IPPMa mempunyai kebolehpercayaan yang amat tinggi.

Analisis faktor telah dijalankan untuk melihat kesahan konstruk IPPMa. Hasil analisis menunjukkan bahawa keempat-empat bahagian dalam IPPMa memiliki beban faktor yang tinggi. Menurut Hair, Anderson, Tatham dan Black (1998) menyatakan bahawa factor loading item yang mempunyai nilai lebih daripada 0.3 boleh diguna pakai. Apabila melihat item-item yang dikategorikan mengikut empat bahagian, didapati kebanyakan item memiliki nilai beban faktor yang tinggi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Analisis Nilai Beban Faktor bagi Setiap Item Mengikut Konstruk-Konstruk yang Dinilai dalam Instrumen Kajian

Imej dan Integriti		Pengajaran & Pembelajaran		Kepimpinan Keagamaan		Interaksi dengan pelajar	
A1	.616	B16	.667	C32	.656	D45	.634
A2	.610	B17	.718	C33	.654	D46	.667
A3	.708	B18	.640	C34	.457	D47	.688
A4	.707	B19	.594	C35	.651	D48	.635
A5	.627	B20	.627	C36	.729	D50	.709
A6	.709	B21	.417	C37	.638	D51	.735
A7	.749	B22	.588	C38	.459	D52	.615
A8	.765	B23	.677	C39	.657	D53	.671
A9	.678	B24	.538	C40	.744	D54	.422
A10	.634	B25	.501	C41	.710	D56	.713
A11	.530	B26	.545	C42	.660	D57	.545
A12	.612	B27	.649	C43	.437	D58	.623
A13	.683	B28	.549	C44	.471	D60	.559
A14	.655	B29	.317			D61	.578
A15	.535	B30	.511				

Nota: Nilai Alpha yang melebihi 0.3 ke atas sahaja dimasukkan. Item-item C3, D49, D55 dan D59 digugurkan kerana di bawah 0.3.

Prosedur Pengumpulan Data

Pemilihan MRSM telah dibuat secara rawak. Sampel yang dipilih ditentukan oleh pihak MRSM. Pentadbiran soal selidik dijalankan oleh wakil di setiap maktab (pentadbir atau kaunselor). Mereka telah diberi taklimat terperinci tentang tatacara pengumpulan data. Pentadbiran soal selidik ini tidak melibatkan guru Pendidikan Islam bagi mengelakkan bias. Pasukan pengkaji juga tidak terlibat secara langsung dalam mentadbir soal selidik di MRSM.

Prosedur Penganalisisan Data

Data daripada soal selidik yang telah lengkap diisi oleh pelajar dimasukkan ke dalam komputer menggunakan perisian SPSS Versi 11.5. Mana-mana set soal selidik yang tidak dijawab dengan lengkap oleh responden telah dikeluarkan untuk mendapatkan ketepatan data. Seterusnya, data telah dibersihkan serta menyingkirkan sebarang outliers yang mengganggu. Mana-mana item yang bersifat negatif telah dikodkan semula menjadi nilai positif. Pengkaji telah melakukan reduksi data dengan menjalankan analisis faktor menggunakan Principal Component. Sebanyak empat item telah digugurkan kerana mempunyai nilai beban faktor di bawah 0.3. Pengkaji menggunakan Kaiser Mayer Olkin Measure of Sampling Adequacy dan Bartlett's Test of Sphericity bagi memastikan

data yang akan dianalisis memiliki taburan normal dan sampling adequacy. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif bagi memperlhat kekerapan, peratusan dan min sahaja. Dapatan dalam bentuk min bagi setiap konstruk dipindahkan kepada sistem word Excell untuk mendapatkan profil bagi setiap kategori seperti MRSM, jantina, pendapatan keluarga dan tingkatan.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini akan dilaporkan dalam bentuk laporan deskriptif dalam min, kekerapan dan peratusan. Secara keseluruhan, tahap keprihatinan guru pendidikan Islam di MRSM pada tanggapan pelajarnya adalah pada tahap yang tinggi. Aspek imej dan integriti pada nilai 4.3068 (tinggi), pengajaran dan pembelajaran pada nilai 4.0573 (tinggi), kepemimpinan keagamaan pada nilai 4.0775 (tinggi) dan interaksi dengan pelajar 4.2537 (tinggi).

Penentuan tahap berdasarkan Davies (1971) meletakkan tahap rendah, sederhana dan tinggi berasaskan skala lima mata yang digunakan, iaitu 1- Sangat tak bersetuju, 2 - tidak setuju, 3 - tidak pasti, 4- setuju dan 5 -sangat setuju. Mengikut Davies (1971) lagi, nilai nilai skor tertinggi ditolak dengan skor terendah ($5 - 1 = 4$) dan dibahagikan kepada 3 tahap yang dikehendaki. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini pengkaji meletakkan kepada empat tahap, iaitu lemah, rendah, sederhana dan tinggi sebagaimana pernah dilakukan oleh beberapa pengkaji terdahulu seperti Norasmah (2001) dan Azhar (2006). Penentuan tahap-tahap tersebut berdasarkan nilai skor min sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Penentuan Tahap Berdasarkan Skor Min

Skor min	Tafsiran
1.00– 1.99	Lemah
2.00– 2.99	Rendah
3.00– 3.99	Sederhana
4.00– 5.00	Tinggi

Rasional penentuan jadual skor min di atas adalah kerana sebab-sebab berikut:

1. MRSM adalah sekolah elit/pilihan yang mengendalikan pelajar terpilih sahaja.
2. Guru yang dilantik adalah mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Sarjana Muda dan ramai juga memiliki kelulusan Sarjana.
3. Guru Pendidikan Islam juga dilantik daripada kalangan graduan pelbagai universiti dan pusat pengajian tinggi di dalam dan luar negeri. Senario ini saling memperkukuhkan budaya kerja berdasarkan pengamalan dan pengalaman pendidikan yang berbeza.
4. MRSM adalah sekolah berasrama penuh yang memerlukan komitmen guru yang tinggi tanpa tertakluk kepada masa kerja 8.00 pagi hingga 5.00 petang.
5. Guru-guru MRSM hanya ditugaskan mengajar satu mata pelajaran khusus sahaja berdasarkan kelulusan dan pengkhususan ijazah yang diperoleh.

Imej dan Integriti

Berdasarkan dapatan komponen Imej dan Integriti, pengkaji mendapati bahawa penampilan imej dan integriti guru Pendidikan Islam secara keseluruhan menunjukkan tahap yang

tinggi. Antara item yang dilihat mempunyai skor yang tinggi seperti bersikap adil kepada semua pelajar, berdedikasi dalam melaksanakan tugas, menepati janji dan bersemangat dalam tugas seharian. Item "bersikap adil kepada semua pelajar" mempunyai skor min 4.3462. Item "berdedikasi dalam melaksanakan tugas" mempunyai skor min 4.4421. Item "tepati janji" pula mempunyai 4.1889. Item yang keempat "bersemangat dalam tugas seharian" juga memiliki skor min yang tinggi iaitu 4.3363.

Walaupun begitu, terdapat beberapa item yang memberikan nilai skor min yang sederhana seperti item "seorang yang cepat marah" dan "selalu menjadi umpatan pelajar". Item "seorang yang cepat marah" mempamerkan nilai skor min 3.9575. Item "selalu menjadi umpatan pelajar" pula memiliki nilai skor min 3.9911. Semua imej dan integriti guru Pendidikan Islam ini boleh dirujuk pada Jadual 3.

Jadual 3: Imej dan Integriti Guru Pendidikan Islam

Kod	Item atau soalan	1	2	3	4	5	Min
A1	Selalu berpakaian kemas	5	2	32	253	719	4.6607
A2	Berpakaian sesuai ikut majlis	3	9	81	302	616	4.5025
A3	Bersikap adil kepada semua pelajar	14	32	109	291	565	4.3462
A4	Penyabar dalam setiap tindakan	14	26	82	316	573	4.3927
A5	Amanah mengurus wang pelajar	11	12	126	179	683	4.4946
A6	Sentiasa berwajah ceria	12	58	123	328	489	4.2097
A7	Berdedikasi dalam melaksanakan tugas	7	23	72	323	586	4.4421
A8	Berbudi bahasa	10	23	71	278	629	4.4768
A9	Mudah didampingi	11	37	183	317	463	4.1711
A10	Tepati janji	24	35	146	327	479	4.1889
A11	Seorang yang lambat marah	55	100	149	236	471	3.9575
A12	Seorang yang pemaaf	11	20	132	350	498	4.2898
A13	Bersemangat dalam tugas seharian	10	21	116	336	528	4.3363
A14	Disukai ramai pelajar	28	46	166	285	486	4.1424
A15	Jarang menjadi umpatan pelajar	60	73	200	161	517	3.9911
						Min Purata	4.3068

Pengajaran dan Pembelajaran

Guru Pendidikan Islam mempunyai tugas hakiki dalam menyampaikan ilmu Islam dalam bentuk formal, iaitu di kelas. Biasanya guru-guru agama atau Pendidikan Islam sangat dipandang tinggi oleh masyarakat dan juga pentadbiran sekolah. Pandangan ini dipersetujui apabila dapatan daripada komponen Pengajaran dan Pembelajaran menunjukkan kemampuan guru pendidikan Islam dalam pengajaran dan pembelajaran berada di tahap yang baik secara keseluruhannya. Sebagai contoh item B17, B18, B20, B23 dan B28 mempamerkan nilai skor min melebihi 4.

Namun demikian, wujud persepsi bahawa guru Pendidikan Islam kurang kreatif dalam pengurusan kelas (seperti pengkaedahan dan aktiviti pelajar), penguasaan ilmu daripada sumber yang pelbagai dan keluwesan dalam penyampaian. Sehubungan dengan itu, data daripada komponen Pengajaran dan Pembelajaran memberikan gambaran yang menyokong kepada persepsi tersebut. Sebagai contoh, B19, B21, B22, B24, B25, B26, dan B29 mempamerkan skor min kurang daripada 4.00. Tidak terdapat item yang mendapat skor min pada tahap yang lemah dan rendah iaitu dibawah 2.99. Jadual 4 membincangkan keseluruhan tentang pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam.

Jadual 4: Pengajaran dan Pembelajaran Guru Pendidikan Islam

Kod	Item atau soalan	1	2	3	4	5	Min
B16	Bersungguh-sungguh semasa mengajar	8	24	61	312	606	4.4679
B17	Sentiasa memberi dorongan pada pelajar	4	28	57	317	605	4.4748
B18	Sentiasa memberi tunjuk ajar	20	22	46	283	640	4.4847
B19	Pengajarannya tidak membosankan	66	111	210	295	329	3.7023
B20	Memberi perhatian saksama kpd pelajar	10	46	163	370	422	4.1355
B21	Pengajarannya diselangi jenaka	39	77	156	354	385	3.9585
B22	Sering memberi perhatian kepada yang lemah	54	88	166	282	421	3.9179
B23	Sering menggalakkan pelajar dengan budaya ilmu	11	24	107	330	539	4.3472
B24	Luangkan masa di luar kelas formal	30	68	309	285	319	3.7864
B25	Sering menggunakan pendekatan student centered	31	80	244	332	324	3.8289
B26	Pelbagaikan kaedah pengajaran	36	112	191	309	363	3.8417
B27	Menerapkan nilai-nilai agama dlm P&P	9	21	44	208	729	4.0059
B28	Kaedah P&P sesuai ikut keadaan	23	66	185	346	391	4.0059
B29	Mengajar guna pelbagai sumber rujukan	150	180	176	310	195	3.2176
B30	Tidak bersifat pilih kasih pada pelajar tertentu	47	65	130	286	483	4.0396
						Min Purata	4.0573

Kepemimpinan Keagamaan

Secara keseluruhan, skor min bagi konstruk kepemimpinan keagamaan dalam kalangan guru Pendidikan Islam berada pada tahap tinggi dengan skor min 4.0775. Ini bererti pelajar melihat guru Pendidikan Islam MRSM mempunyai ciri kepemimpinan agama pada tahap yang tinggi. Antara item-item yang mendapat min skor yang tinggi seperti item C35 (4.3412), C36 (4.3947) dan C37 (4.2898). Walau bagaimanapun terdapat juga beberapa yang memperoleh skor pada tahap sederhana seperti C34 (3.5559), C38 (3.8595), C39 (3.8506) dan C40 (3.9575). Tidak terdapat item yang mendapat skor min pada tahap yang lemah dan rendah iaitu dibawah 2.99. Semua ini boleh dirujuk pada Jadual 5.

JADUAL 5. Kepimpinan Keagamaan Guru Pendidikan Islam

Kod	Item atau soalan	1	2	3	4	5	Min
C32	Menghargai aktiviti pelajar	20	44	202	355	390	4.0396
C33	Selalu membimbing pelajar buat aktiviti	19	50	120	374	448	4.1691
C34	Selalu libatkan diri dlm aktiviti pelajar	50	128	284	308	241	3.5559
C35	Tegur kesilapan pelajar dengan baik	15	37	68	359	532	4.3412
C36	Selalu rangsang motivasi pelajar berjaya	9	29	82	325	566	4.3947
C37	Pandai berceramah	10	42	123	306	530	4.2898
C38	Kerap berucap di hadapan pelajar	30	100	206	321	354	3.8595
C39	Cepak mengendalikan aktiviti maktab	13	54	309	330	305	3.8506
C40	Menjadi ikutan kepada pelajar	19	63	244	301	384	3.9575
C41	Disegani oleh pelajar-pelajar	8	55	159	352	437	4.1424
C42	Dihormati oleh guru lain	8	15	197	311	480	4.2265
C43	Guru PI lain senang beri bantuan kepada saya	26	46	200	322	417	4.0465
C44	Guru PI lain sentiasa baik terhadap saya	22	44	149	357	439	4.1345
						Purata Min	4.0775

Interaksi dengan Pelajar

Secara keseluruhannya min bagi konstruk interaksi dengan pelajar adalah tinggi iaitu pada nilai min 4.2537. Antara item-item yang memperoleh skor yang tinggi seperti D47 (4.5410), D53 (4.5925) dan D61 (4.6775). Walau bagaimanapun terdapat beberapa item yang memperoleh skor min sederhana, iaitu D52 (3.7606), D57 (3.9575) dan D60 (3.9318). Tidak terdapat item yang mendapat skor min pada tahap yang lemah dan rendah iaitu dibawah 2.99. Jadual 6 membincangkan interaksi guru Pendidikan Islam dengan pelajar.


Jadual 6: Interaksi Pelajar dengan Guru Pendidikan Islam

Kod	Item atau soalan	1	2	3	4	5	Min
D45	Mesra dengan pelajar	25	29	74	254	629	4.4174
D46	Ceria dalam kelas	50	46	87	265	563	4.2315
D47	Jarang bertindak kasar dengan pelajar	27	30	59	148	747	4.5410
D48	Tidak suka melabel pelajar secara negatif	53	61	145	174	578	4.1503
D50	Berminat untuk memberi bimbingan	24	39	88	211	649	4.4065
D51	Tidak memarahi pelajar di khalayak	49	66	115	169	612	4.2156
D52	Suka bercampur dengan pelajar	69	46	250	339	307	3.7606
D53	Tidak suka menceritakan keburukan guru lain	27	30	44	126	784	4.5925
D54	Suka menonjol kelebihan diri & keluarga	52	65	169	199	526	4.0702
D56	Tidak suka menggunakan bahasa yang kurang sesuai	30	54	74	170	683	4.4065
D57	Pandai menarik perhatian pelajar	42	68	178	326	397	3.9575
D58	Berhati-hati dlm menggunakan perkataan	27	41	135	315	493	4.1929
D60	Pandai ambil hati pelajar	41	63	191	345	371	3.9318
D61	Tidak memanggil pelajar dengan gelaran negatif	25	24	33	88	841	4.6775
Purata Min						4.2537	

GRAF PROFIL TAHAP PROFESIONALISME GURU PENDIDIKAN ISLAM MRSM


Berdasarkan MRSM

Berdasarkan Rajah 2, dapatan menunjukkan bahawa profil guru Pendidikan Islam MRSM Kota Kinabalu mempunyai tahap profesionalisme yang rendah berbanding profil guru Pendidikan Islam MRSM keseluruhan. Keempat-empat konstruk, iaitu imej dan integriti, pengajaran dan pembelajaran, kepimpinan keagamaan dan interaksi dengan pelajar) berada di bawah tahap MRSM keseluruhan.




Rajah 2: Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM Kota Kinabalu

Berdasarkan Rajah 3, dapatan menunjukkan bahawa profil guru Pendidikan Islam MRSM Kuching mempunyai tahap profesionalisme yang rendah berbanding profil guru Pendidikan Islam MRSM keseluruhan. Tiga konstruk, iaitu imej dan integriti, pengajaran dan pembelajaran dan kepimpinan keagamaan berada lebih rendah berbanding tahap MRSM keseluruhan. Walau bagaimanapun, bagi konstruk interaksi dengan pelajar didapati pelajar MRSM Kuching membuat penilaian yang lebih tinggi berbanding dengan tahap MRSM keseluruhan.




Rajah 3: Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM Kuching

Berdasarkan Rajah 4, dapatan menunjukkan bahawa profil GPI MRSM Batu Pahat mempunyai tahap profesionalisme yang sangat tinggi berbanding profil GPI MRSM keseluruhan. Keempat-empat konstruk iaitu imej dan integriti, pengajaran dan pembelajaran, kepimpinan keagamaan dan interaksi dengan pelajar amat ketara perbezaannya berbanding tahap MRSM keseluruhan.




Rajah 4: Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM Batu Pahat

Berdasarkan Rajah 5, dapatan menunjukkan bahawa profil guru Pendidikan Islam MRSM Kuala Krai mempunyai tahap profesionalisme yang hampir menyamai profil guru Pendidikan Islam MRSM keseluruhan. bagi konstruk imej dan integriti, kepimpinan keagamaan dan interaksi dengan pelajar berada di atas tahap MRSM keseluruhan. Manakala, konstruk pengajaran dan pembelajaran didapati lebih rendah berbanding tahap MRSM keseluruhan.




Rajah 5: Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM Kuala Krai

Berdasarkan Rajah 6, dapatan menunjukkan bahawa profil guru Pendidikan Islam MRSM Muar mempunyai tahap profesionalisme yang sangat rendah berbanding profil guru Pendidikan Islam MRSM keseluruhan. Keempat-empat konstruk iaitu imej dan integriti, pengajaran dan pembelajaran, kepimpinan keagamaan dan interaksi dengan pelajar amat ketara perbezaannya berbanding tahap MRSM keseluruhan.




Rajah 6: Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM Muar

Berdasarkan Rajah 7, dapatan menunjukkan bahawa profil guru Pendidikan Islam MRSM Pasir Salak mempunyai tahap profesionalisme yang hampir menyamai profil guru Pendidikan Islam MRSM keseluruhan. Konstruk imej dan integriti serta pengajaran dan pembelajaran berada pada nilai yang menyamai tahap MRSM keseluruhan. Manakala, konstruk kepimpinan keagamaan didapati lebih rendah berbanding tahap MRSM keseluruhan. Bagi konstruk interaksi dengan pelajar didapati ianya lebih baik berbanding tahap MRSM keseluruhan.




Rajah 7: Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM Pasir Salak

Berdasarkan Rajah 8, dapatan menunjukkan bahawa profil guru Pendidikan Islam MRSM Pasir Tumbuh mempunyai tahap profesionalisme yang sangat tinggi berbanding profil guru Pendidikan Islam MRSM keseluruhan. Keempat-empat konstruk iaitu imej dan integriti, pengajaran dan pembelajaran, kepimpinan keagamaan dan interaksi dengan pelajar amat ketara perbezaannya berbanding tahap MRSM keseluruhan.




Rajah 8: Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM Pasir Tumbuh

Berdasarkan Rajah 9, dapatan menunjukkan bahawa profil guru Pendidikan Islam MRSM Pengkalan Chepa mempunyai tahap profesionalisme yang lebih tinggi secara keseluruhannya berbanding profil guru Pendidikan Islam MRSM keseluruhan. Namun, bagi konstruk kepimpinan keagamaan sahaja didapati agak rendah berbanding tahap MRSM keseluruhan.




Rajah 9: Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM Pengkalan Chepa

Berdasarkan Rajah 10, dapatan menunjukkan bahawa profil guru Pendidikan Islam MRSM Serting mempunyai tahap profesionalisme yang lebih tinggi berbanding profil guru Pendidikan Islam MRSM keseluruhan. Keempat-empat konstruk iaitu imej dan integriti, pengajaran dan pembelajaran, kepimpinan keagamaan dan interaksi dengan pelajar amat ketara perbezaannya berbanding tahap MRSM keseluruhan.



Rajah 10: Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM Serting


Berdasarkan Rajah 11, dapatan menunjukkan bahawa profil guru Pendidikan Islam MRSM Trendak mempunyai tahap profesionalisme yang sangat rendah berbanding profil guru Pendidikan Islam MRSM keseluruhan. Keempat-empat konstruk, iaitu imej dan integriti, pengajaran dan pembelajaran, kepimpinan keagamaan dan interaksi dengan pelajar amat rendah berbanding tahap MRSM keseluruhan terutamanya bagi konstruk interaksi guru Pendidikan Islam dengan pelajarnya.



Rajah 11: Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM Terendak

Berdasarkan Jantina


Berdasarkan Rajah 13, dapatan menunjukkan bahawa pelajar lelaki dan perempuan membuat penilaian yang hampir sama tentang tahap profesionalisme guru Pendidikan Islam MRSM. Perbezaan yang agak ketara hanya pada konstruk kepimpinan keagamaan sahaja.



Rajah 12: Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM Berdasarkan Jantina

Berdasarkan Tingkatan

Berdasarkan Rajah 14, dapatan menunjukkan bahawa pelajar menengah rendah dan menengah atas membuat penilaian yang berbeza tentang tahap profesionalisme guru Pendidikan Islam MRSM. Pelajar menengah atas di dapati lebih menghargai guru Pendidikan Islam mereka berbanding penilaian yang dibuat oleh pelajar menengah rendah.



Rajah 13: Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM Berdasarkan Tingkatan

PERBINCANGAN

Guru Pendidikan Islam dalam konteks MRSM merupakan satu agen yang sangat penting terutama dalam proses pembentukan modal insan pelajar MRSM. Oleh itu, guru Pendidikan Islam menjadi tunggak utama dalam perancangan dan pelaksanaan program kerohanian yang berlaku di luar waktu pembelajaran formal di kelas. Kebanyakan program yang dijalankan tersebut adalah dijalankan atas inisiatif dan galakan guru Pendidikan Islam terhadap badan agama di MRSM seperti BADAR (Badan Agama dan Rohani), PAIM (Persatuan Agama Islam Maktab), atau Biro Agama dan Dakwah dan sebagainya. GPI juga merupakan role model yang menjadi ikutan dalam kalangan sesetengah pelajar. Oleh itu jika peribadi guru Pendidikan Islam, iaitu sendiri tidak mampu menyerlahkan watak role model yang sebenar, maka pelajar akan menjadi keliru diantara apa yang dipelajari dan apa yang diperhatikan.

Secara keseluruhan, peribadi guru Pendidikan Islam pada pandangan pelajar MRSM adalah pada tahap yang tinggi iaitu aspek imej dan integriti (4.3068), pengajaran dan pembelajaran (4.0573), kepimpinan keagamaan (4.0775) dan interaksi dengan pelajar (4.2537). Pengkaji mendapati aspek imej dan integriti mendapat penilaian tertinggi oleh pelajar dan aspek pengajaran dan pembelajaran mendapat penilaian yang paling rendah oleh pelajar. Imej dan integriti guru Pendidikan Islam yang tinggi mungkin disebabkan oleh pelaksanaan kod dan etika guru MARA yang dikuatkuasakan dengan tegas oleh pihak pengurusan MARA. Ini mentafsirkan bahawa imej guru Pendidikan Islam tidak banyak beza dengan imej guru mata pelajaran yang lain. Dari segi penampilan rupa diri berpakaian, adalah menjadi lumrah seseorang guru Pendidikan Islam mengenakan pakaian yang kemas seperti berbaju kemeja bertali leher, pakaian kebangsaan yang lengkap atau mengenakan bush jacket.

Aspek pengajaran dan pembelajaran merupakan satu elemen yang paling penting dalam sesebuah sistem pendidikan. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati aspek ini mendapat penilaian paling rendah berbanding aspek-aspek lain. Secara terperinci pengkaji mendapati perkara-perkara penting dalam aspek pengajaran dan pembelajaran seperti aspek mampu menghiburkan pelajar (humor) (min = 3.9585), memberi perhatian kepada pelajar yang lemah (3.9179), kurang menggunakan pendekatan berpusatkan

pelajar (3.8289), kurang menggunakan keberbagaiaan kaedah mengajar (3.8417) dan sesetengah guru didapati kurang menggunakan pelbagai sumber rujukan dalam pengajaran mereka (3.2176). Kelemahan yang berlaku mungkin berpunca daripada (i) kurangkan latihan dan pendedahan diberikan oleh pihak MARA dalam meningkatkan mutu profesionalisme guru terutama dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, (ii) kegagalan pihak pentadbiran mewujudkan sistem mentor mentee yang berkesan antara guru-guru berpengalaman dan guru-guru baru, (iii) kurangnya pemantauan oleh pihak yang berkenaan dalam membuat cerapan pengajaran (iv) berkemungkinan fenomena ini melibatkan guru-guru yang baru dilantik yang belum mengikuti kursus Diploma Pendidikan. Dari aspek penggunaan akses rujukan tambahan yang diberi penilaian rendah oleh pelajar, mungkin disebabkan oleh paradigma lama yang ada pada guru-guru yang kurang bersedia untuk menerima pembaharuan dalam kaedah pengajaran.

Daripada aspek kepemimpinan keagamaan dalam kalangan guru Pendidikan Islam, pengkaji mendapati penilaian yang diberikan oleh pelajar-pelajar MRSM adalah tinggi. Namun dalam beberapa aspek didapati berada pada tahap sederhana dan perlu diberi perhatian seperti aspek kesediaan melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti keagamaan di maktab (3.5559), kekerapan muncul berucap dihadapan pelajar (3.8595), kecekapan mengendali aktiviti dan program (3.8506), dan menjadi role model kepada pelajar (3.9575). Dalam konteks MRSM penglibatan guru Pendidikan Islam dalam aktiviti dan program keagamaan di MRSM amat signifikan dan penting. Ini kerana program-program kerohanian adalah program utama, bersifat utama, berkala, berterusan yang sentiasa dilaksanakan di kalangan pelajar terutama di luar waktu formal. Ini termasuklah program sambutan Maal Hijrah, sambutan Maulidurrasul, Ihya' Ramadhan, program ceramah mingguan, Qiamullail, kursus bina insan, tazkirah, bacaan Yasin mingguan yang kesemuanya memerlukan penglibatan aktif guru Pendidikan Islam. Oleh itu pengkaji berpendapat bahawa penilaian yang rendah dalam aspek ini disebabkan sikap dan keyakinan diri guru Pendidikan Islam sahaja. Hal ini boleh diperbaiki dari semasa ke semasa. Pelajar menilai kebolehan berceramah dikalangan guru Pendidikan Islam adalah tinggi (4.2898) tetapi pelajar menilai guru Pendidikan Islam kurang berucap di hadapan pelajar (3.8595 - rendah) dan pelajar juga agak keberatan untuk menjadikan guru Pendidikan Islam sebagai role model (3.9575). Perbandingan skor di atas adalah jelas bahawa sikap adalah faktor utama yang menyumbang kepada kemerosotan dalam penilaian pelajar. Dapatan juga menunjukkan tahap kesukarelaan untuk terlibat dalam aktiviti pelajar agak rendah (3.5559). Sebagai contoh, guru Pendidikan Islam akan pasif dalam melibatkan diri dalam program pelajar hinggalah pelajar tidak menjadikan guru Pendidikan Islam sebagai role model mereka.

Daripada aspek interaksi dengan pelajar, dapatan menunjukkan bahawa pelajar berpendapat bahawa guru Pendidikan Islam kurang gemar bersosial dengan pelajar (3.7606), kurang pandai menarik perhatian pelajar (3.9575) serta kurang pandai mengambil hati (3.9318) dan perkara ini disokong oleh pandangan pelajar terhadap guru Pendidikan Islam bahawa guru Pendidikan Islam kurang agak kurang berhati-hati dalam menggunakan perkataan (4.1929).

Sebagai kesimpulan, secara keseluruhannya, persepsi pelajar terhadap guru Pendidikan Islam adalah pada tahap tinggi, namun begitu banyak perkara yang perlu diteliti dan diberi perhatian agar segala kelemahan yang dinilai oleh pelajar MRSM dapat dipertingkatkan demi martabat guru Pendidikan Islam

RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP

Seseorang pendidik sentiasa menonjolkan imej diri yang positif, beretika dalam kehidupan di mana juga mereka berada. Sehubungan dengan itu, guru Pendidikan Islam yang telah diamanahkan oleh stakeholder (iaitu MARA, BPLM, Pengetua, pelajar dan juga ibu bapa) sepatutnya lebih mempunyai peranan dalam memberi gambaran yang positif tentang aspek pendidikan dan penghayatan nilai Islam dalam membentuk warga negara yang bukan sahaja menjadi teknokrat dan teknoprenuer, malahan menjadi umat Islam yang mempunyai maruah diri dan jati diri yang mantap. Bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi juga pernah mengutarakan tentang peribadi unggul (*towering personality*) yang ingin dilahirkan daripada warga negara Malaysia. Justeru, warga pendidik dan pentadbir MRSM harus mengambil peranan utama menjadi peneraju ke arah pembentukan generasi yang kompeten, berdaya saing serta mempunyai jati diri yang mantap.

Pengkaji mencadangkan beberapa kajian susulan perlu diteruskan oleh pengkaji-pengkaji lain bagi mengembangkan lagi aspek yang dikaji.

1. Kajian yang dijalankan ini hanya berbentuk kajian tinjauan persepsi pelajar terhadap tahap keprihatinan guru-guru pendidikan Islam sahaja. Untuk mendapatkan lebih ketepatan dari segi dapatan, satu kajian berbentuk kajian pemerhatian (*observation*) terhadap guru di dalam kelas-kelas sebenar untuk melihat dapatan
2. Kajian menyeluruh untuk melihat hubungan antara keberkesanan guru dengan keterampilan pelajar dalam aspek kepemimpinan, *teamwork*, pemikiran kreatif atau kritis dan membuat keputusan.
3. Mengkaji dan membina modul *teambuilding* di kalangan guru Pendidikan Islam MRSM

Kajian ini hanyalah kajian penerokaan terhadap aspek keprihatinan dan profesionalisme dalam kalangan guru Pendidikan Islam di MRSM. Kajian ini hanyalah daripada pihak pelajar yang membuat penilaian terhadap guru Pendidikan Islam dan mereka bebas meletakkan rating tertentu berdasarkan persepsi mereka sendiri. Seharusnya kajian ini perlu dikaji melalui sokongan penilaian oleh guru sendiri untuk mendapatkan perbandingan dan perbezaan. Diharapkan dapatan kajian ini akan dapat memberi manfaat dan celik akal kepada pembaca untuk meneruskan kajian lanjutan demi meningkatkan profesionalisme guru pendidikan Islam.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri dan Khadijah Abdul Razak. (2003). Pengajaran akhlak di sekolah menengah: persepsi pelajar. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 3) Perkaedahan Pengajaran Pendidikan Islam: Antara Tradisi dan Inovasi*. 16 Oktober 2003 di Royal Adelphi, Seremban. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bradshaw, D. (2001). *Teachers transform lives*. ARIS Resources Bulletin. 12 (4): 3-5 (atas talian http://web3.epnet.com/citations.asp?=@_ug=db (26 August 2003))
- Davies, R.B (1971). Hypothesis testing when a nuisance parameter is present only under the alternative. *Biometrika* 64, 247-256.
- Hair, J.E, Anderson, R.E, Tatham, R.L. & Black, W.C. (1998). *Multivariate data analysis*. Ed. Ke-5. Upper Saddle River: Prentice Hall.

- MARA. (2007). Bahagian Pendidikan dan Latihan Menengah MARA. Sistem Pendidikan MRSM abad ke 21 (SPMRSM21). (tidak diterbitkan)
- Muhammad Subri Yahya. (1997). Strategi dan peranan Pendidikan Islam dalam mengatasi masalah disiplin remaja masa kini. Kertas kerja konvensyen guru-guru pendidikan Islam dan Bahasa Arab MRSM SeMalaysia. 8 – 10 April 1997, Sg Petani In: Anjuran ILHAM MARA.
- Syed Najmuddin Syed Hassan. (2005). Hubungan antara faktor kecerdasan emosi, nilai kerja dan prestasi kerja di kalangan guru Maktab Rendah Sains MARA. Tesis PhD. UKM Bangi.

Dr Syed Najmuddin bin Syed Hassan, Pengarah Pusat Pengajaran dan Pembelajaran, Kampus Bandar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Melaka. e-mail: syed-najmuddin@utem.edu.my, 019-6655933

Dr Ab Halim bin Tamuri, Pensyarah Kanan, Jabatan Perkaedahan dan Amalan Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor. e-mail: abhalim@ukm.my, 03-89216270

Hj Isahak bin Othaman, Ketua Penolong Pengarah (Pendidikan Islam), Bahagian Pendidikan dan Latihan (Menengah) MARA, Tingkat 20, Ibu Pejabat MARA, No 21 Jalan Raja Laut, 50609 KUALA LUMPUR. e-mail: isahak@mara.gov.my

Mohd Sabri bin Mamat, Timbalan Pengetua Hal Ehwal Pelajar, MRSM Tun Ghafar Baba, 77000 Jasin, Melaka. e-mail: kapt_sabry@yahoo.com, 06-5295331, 019-6696334